

Salawati Abdul Wahab, Ab Razak Ab Karim, Norazlin Hamidon (2018). Reka Letak dalam Ragam Hias Kitab Maulid di Alam Melayu. *Ideology*, 3 (3): 171-188, 2018

Reka letak dalam Ragam Hias Kitab Maulid di Alam Melayu

Salawati bt Haji Abdul Wahab, Ab Razak b Ab Karim, Norazlin bt Hamidon

Faculty of Art & Design, Universiti Teknologi MARA Perak Branch, Seri Iskandar Campus, Seri Iskandar 32610 Perak, MALAYSIA.

Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, MALAYSIA.

salawati174@perak.uitm.edu.my

abrazak@um.edu.my

norazlin@um.edu.my

ABSTRACT

Kitab maulid merupakan salah satu daripada manuskrip yang terdapat di Kepulauan Melayu. Kitab agama ini dipenuhi dengan ayat-ayat yang memuji baginda Rasulullah s.a.w. Kitab ini juga mempunyai pelbagai rupa ragam hias yang indah dan dalam gayanya tersendiri. Ragam hias kitab maulid memiliki bentuk, motif dan warna yang beragam serta menarik. Penggunaan motif dalam menghasilkan ragam hias ini adalah hasil pengamatan terhadap alam yang diadaptasikan ke dalam karya mereka. Motif tumbuh-tumbuhan seperti bunga-bunga yang biasanya digunakan oleh pengkarya. Namun begitu penggunaan motif geometrik tetap digunakan bagi menggambarkan pemikiran pengkarya Melayu yang kreatif. Ragam hias yang menghiasi bahagian hadapan, bahagian dalam dan bahagian terakhir merupakan reka letak asas hiasan dalam kitab maulid. Bingkai dalam dua garis berganda yang dihiasi dengan pelbagai motif organik atau geometrik. Penggunaan warna juga turut mampu menarik perhatian penghayat seni. Rekaletak lain yang bersesuaian dengan pengamatan pengkarya menjadikan karya mereka lebih menarik

Key Words: Reka letak, ragam hias, kitab maulid, Melayu

1. Pengenalan

Secara umumnya, kesenian adalah sebahagian daripada kebudayaan yang membawa makna keindahan. Kehalusan,kelembutan, pertuturan yang senang, mudah dilihat serta memberi penerangan sesuatu seni. Dalam konsep model kesenian Islam yang terdapat di Kepulauan Melayu adalah berdasarkan dari model-model peradapan Islam yang terdapat di Mesir, Turki,India ataupun China. Kepelbagai gaya dalam budaya, amalan dan warisan telah diubahsuaikan mengikut persekitaran setempat dengan acuan keislaman. Dalam penghasilan ragam hias manuskrip ini dengan melihat beberapa halaman naskhah untuk memperolehi keindahan dan hiasan atau gambar yang ditempatkan dengan gaya tertentu (Zuriati,2010). Menurut beliau lagi ragam hias ini dikaitkan denan warna-warna atau pigmen metalik atau ciptaan untuk meninggikan lagi nilai penampilan naskhah yang meliputi bingkai teks yang dihias, penanda ayat, penanda juz dan tanda kepala surat pada al-Quran (Gallop dan Ali Akhbar, 2006 ; Zuriati,2010)

Kitab maulid adalah di antara seni kitab yang disimpan di kalangan masyarakat Melayu di Alam Melayu. Penulisan kitab-kitab maulid ini dikatakan sentiasa ditambah dari masa semasa sehingga hari ini selagi ada pengikut-pengikut Nabi Muhammad SAW di muka bumi ini (Al- Faqir Ilallah Al - Qawiy Muhammad Fuad bin Kamaludin Al-Maliki. (2009). Kitab Maulid merupakan kitab yang banyak mengandungi ayat-ayat yang memuji Nabi Muhammad s.a.w. Kitab yang dihasilkan dalam tulisan Arab ini dibaca ketika hari kelahiran baginda Rasulullah. Penulisan kitab-kitab maulid ini dikatakan sentiasa ditambah dari masa semasa sehingga hari ini selagi ada pengikut-pengikut Nabi Muhammad SAW di muka bumi ini

Kitab-kitab ini akan dihiasi dengan ragam hias pada bahagian tertentu di dalam kitab. Dalam tujuan hiasan, pelbagai motif bunga, daun atau geometri digunakan. Ragam hias merupakan keperluan dalam karya seni bagi menghiasi kekosongan sebarang rekaletak. Setiap ragam hias yang digunakan mempunyai makna yang simbolik.

Rekaletak adalah merupakan proses perletakan , penyusunan dan penyusunan semula teks. Ia boleh didefinisikan sebagai mukasurat dengan komposisi yang sebenar. Rekaletak ini berfungsi sebagai alat komunikasi yang menterjemahkan konsep visual. Rekaletak yang terhasil akan membantu audien membaca dan memahami segala isi kandungan dalam manuskrip tersebut.

Menurut Mubin Shephard (1980) menyatakan bahawa ragam hias Melayu menunjukkan kepatuhan kepada tradisi Islam yang melarang penggambaran rupa bentuk manusia ataupun haiwan. Dalam konteks persepi pengkarya Melayu amat mementingkan pandangan dunianya yang berhubungkait dengan alam semulajadi, agama dan kepercayaan. Alam dan kehidupan masyarakat Melayu yang berlatar belakangkan suasana persekitaran semulajadi yang menjadi inspirasi mereka dalam menghasilkan motif hiasan.

Berdasarkan Perlembagaan Malaysia Perkara 161 menyatakan bahawa orang Melayu adalah penduduk pribumi yang bertutur dalam bahasa Melayu dan beragama Islam. Mereka juga mengamalkan kebiasaan dan tradisi adat istiadat Melayu.


2. Reka letak dalam ragam hias

2.1. Kedudukan

Gallop (2002) telah menghasilkan kajian awal tentang ragam hias kitab di alam Melayu. Menurut beliau, ragam hias di dalam kitab-kitab Melayu mempunyai rekaletak yang tersendiri. Dzul (2007) dalam kajian ragam hias manuskrip Al-Quran di alam Melayu telah menyatakan kedudukan ragam hias dengan lebih jelas. Beliau menjelaskan bahawa kedudukan ragam hias berada di bahagian hadapan, pertengahan dan bahagian akhir mengikut surah-surah yang tertentu di dalam Al-Quran (Dzul, 2007). Ragam hias dalam kitab maulid turut dihasilkan pada bahagian hadapan sebagai permulaan bacaan untuk ayat-ayat memperingati Rasulullah s.a.w. Bilangan hiasan dalam kitab maulid tidak hanya tiga (3) bahagian kerana bilangan bahagian yang berhiasan lebih dari hiasan di dalam al-Quran.


i. Bahagian Hadapan

Dalam koleksi Perpustakaan Negara, terdapat dua gaya hiasan kitab maulid untuk bahagian ini. Pertama, kitab maulid yang mempunyai ragam hias yang menghiasi dua muka surat iaitu kiri dan kanan yang menyerupai hiasan dalam kitab al-Quran. Kedudukan hiasan penuh kiri dan kanan ini tidak hanya di bahagian hadapan tetapi juga di beberapa bahagian di dalam kitab tersebut. Hiasan pada bahagian ini ada yang penuh dan pada dan juga hiasan yang sangat sederhana. Kedua, kitab maulid yang mempunyai hiasan penuh dalam satu muka surat di hadapan. Hiasannya penuh dengan gaya tersendiri. Dalam kedua-dua gaya tersebut, bingkai teks akan diletakkan di tengah-tengah halaman iaitu di dalam bingkai khas. Menurut Gallop (2002), bingkai teks yang ditempatkan di tengah-tengah halaman dikelilingi oleh jidar kosong yang luas untuk memberikan kesan yang indah.




Gambarajah 1 – Contoh Ragam hias penuh dalam dua muka surat hadapan kitab maulid

Kebanyakan kitab maulid ini bersifat simetri iaitu hiasan pada bahagian atas sahaja dan hiasan berada di atas sahaja. Bilangan kitab maulid yang berhias penuh pada bahagian ke semua jidar kepala, ekor, liar dan dalam. Tebar layar atau Kubah ini dipenuhi dengan hiasan motif sulur yang memenuhi ruang sepenuhnya. Kitab maulid MSS2874 mempunyai hiasan mewah memenuhi seluruh ruang dalam bingkai sehingga ke dalam kubah pada jidar kepala, ekor dan luar malahan terdapat juga ada jidar tetulang kerana pertembungan garisan yang bermotifkan potong wajik



Gambarajah 2 – Contoh Ragam hias sederhana dalam dua muka surat hadapan kitab maulid

Dalam ragam hias kitab maulid MSS 1353 merupakan contoh ragam hias pada dua muka surat hadapan yang agak sederhana. Hiasan yang dihasilkan dalam sifat yang agak mudah hiasannya. Corak hiasan yang dihasilkan hanya padat di bahagian atas sahaja iaitu pada bahagian jidar kepala sahaja. Pada bahagian keliling tiada hiasan yang dihasilkan.




Gambarajah 3 Contoh Ragam hias dalam satu muka surat bahagian hadapan Kitab Maulid


Kepelbagaian ragam hias ketara kelihatan dalam gaya hiasan kitab maulid. Dalam kitab maulid terdapat ragam hias yang dihasilkan untuk satu muka surat di bahagian hadapan sahaja. Dalam koleksi Perpustakaan Negara, kitab maulid MSS 219 adalah di antara contohnya. Kebiasaannya pada ragam hias pada satu muka surat ini lebih bersifat sederhana. Hiasannya berada di dalam bingkai dan hiasan di bahagian atas atau jidar kepala lebih banyak berbanding bahagian lain.

ii. Bahagian Dalam

Ragam hias bahagian dalam kitab maulid ini agak istimewa kerana dalam sebuah kitab maulid ragam hiasnya akan kelihatan sama untuk kesemua bahagian. Namun begitu terdapat juga kitab maulid yang mempunyai hiasan yang pelbagai dan rupa yang berbeza dari hiasan pada bahagian hadapan. Ada juga hiasan yang tidak berada dalam bingkai petak di bahagian dalam kitab ini. Kebiasaannya hiasan bahagian ini lebih mudah. Hiasan dibuat pada permulaan doa yang dibaca bagi mengingatkan Rasulullah s.a.w. Ragam hiasan ini menunjukkan pengkaryanya bebas menghasilkan rekaan dan sesetengah komposisi yang berbeza. Ragam iias yang dihasilkan oleh pengkarya seni adalah berdasarkan persekitaran setempat pengkarya itu sendiri.



Gambarajah 4 Contoh Ragam hias bahagian dalam Kitab Maulid



Gambarajah 5 Contoh Bingkai Bebas Kitab Maulid Di Bahagian Dalam Kitab Maulid

iii. Bahagian Belakang

Kebiasannya ayat pada bahagian akhir, teksnya lebih pendek. Gaya hiasan bahagian belakang atau akhir ini sangat berbeza dengan hiasan dalam kitab al-Quran. Hiasan yang ada pada satu muka surat sahaja berbanding kitab al-Quran yang memerlukan dua muka surat pada ayat yang ditetapkan. Menurut Gallop (2002), hiasan pada bahagian belakang ini berada di dalam segi tiga, melintang atau berpetak. Beliau menyatakan bahawa hiasan pada lengkungan tengah yang menurun ke bucu dan bertemu dengan bahagian bawah jidar yang menegak.




Gambarajah 6 Contoh Kitab Maulid di Bahagian Belakang

Berdasarkan gambarajah 6 kitab maulid koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. MSS 4499 dan MSS 28474 adalah contoh hiasan di bahagian akhir. Ragam hiasnya lebih sederhana dan berada di dalam bingkai sahaja. Hiasannya tidak menghadapi sebarang gangguan pada hiasan luar iaitu pada jidar kepala, jidar ekor , jidar luar dan jidar dalam.

2.2 Bingkai

i. Bingkai petak

Rekaletak yang teratur dan tersusun memainkan peranan penting dalam memperindahkannya sebuah manuskrip. Kesemua format reka letak sebuah manuskrip berada dalam bentuk petak dan menegak (Dzul, 2007). Menurut beliau lagi, bentuk sedemikian digunakan untuk membentuk bingkai yang mengandungi hiasan dan teks. Dalam kitab ini, terdapat bingkai berlapis kerana garisan tepi yang beralun dan berombak. Bingkai berpetak dan berlapis dengan bingkai bujur akan menghasilkan hiasan mewah dengan motif-motif organik atau flora gaya Melayu tradisi. Muji'zah (2009) turut menyatakan bahawa pada kebiasaannya bingkai dibuat daripada dua garisan berganda yang dihiasi dengan pelbagai motif.




Gambarajah 7 Contoh Bingkai Petak dalam Kitab Maulid

Berdasarkan kitab Maulid MSS4499 menunjukkan terdapatnya dua bingkai pada karya ini iaitu pada a dan b. Bingkai yang penuh dengan hiasan motif memenuhi keseluruhan karya sehingga ke bahagian jidar. Hiasan mewah memenuhi seluruh ruang dalam bingkai sehingga ke dalam kubah pada jidar kepala, ekor dan luar Manakala jidar dalam atau jidar

dalam tidak mempunyai sebarang hiasan. Menurut Gallop (2002) pula hiasan pada kitab yang hanya mempunyai bingkai bersimetri kiri kanannya. Hiasan yang tertumpu di bahagian jidar kepala dan tiga sisi lain teks tidak mempunyai sebarang hiasan. Bingkai jenis ini dikatakan agak ringkas (Gallop,2002)

ii. Bingkai bebas

Di dalam kitab maulid dalam koleksi Perpustakaan Negara terdapat satu ragam hias yang di dalam bingkai bebas yang berbentuk bulatan. Di dalam kitab maulid MSS 2895 terdapat bingkai jenis ini. Dalam ragam hiasan ini terdapat dua (2) bingkai hiasan dan satu (1) bingkai teks. Bingkai hiasan ini memenuhi ruang jidar kepala, jidar ekor dan jidar luar. Jidar dalam tidak mempunyai sebarang hiasan.




Gambarajah 8 Contoh Bingkai Bebas dalam Kitab Maulid

2.3 Jidar


Keselesaan pembaca diberikan perhatian dalam menghasilkan manuskrip Melayu. Penggunaan jidar dalam reka letak ragam hias kitab maulid ini diberikan perhatian bagi memudahkan pembacaan. Pengkarya Melayu telah menghasilkan satu bahagian dalam muka surat manuskrip yang dipanggil jidar. Berdasarkan kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Kamus Dewan Edisi Keempat), **jidar** membawa maksud ruang kosong yang terdapat di keliling surat atau muka surat dalam buku. Dzul (2007) telah memperkenalkan empat jenis jidar bagi melihat seni ragam hias

manuskrip Al-Quran dalam buku beliau Ragam Hias Al-Quran di Alam Melayu (2007). Empat jidar tersebut ialah jidar kepala, jidar ekor, jidar luar dan jidar dalam. Jidar dalam juga dikenali sebagai jidar tertulang. Menurut beliau, kebiasaannya bilangan manuskrip yang mempunyai hiasan pada jidar dalam atau jidar tertulang ini tidak banyak.



Gambarajah 9 Contoh Kedudukan Jidar Dalam Kitab Maulid – Tanpa Hiasan Pada Jidar Tengah


Berdasarkan kitab maulid MSS1442, penggunaan jidar kepala, jidar ekor, jidar dalam dan jidar luar telah disusun lebih sempurna. Keindahan dan sifat yang teratur lebih ketara kelihatan. Dalam kitab maulid MSS2874 pula, penggunaan jidar kepala, jidar ekor, jidar luar dan jidar dalam juga digunakan. Dalam kitab ini terdapat jidar dalam atau jidar tertulang yang terhasil dari pertembungan hujung motif potong wajik dalam karya. Namun hiasan ini sama sekali tidak mengganggu ruang bacaan atau hiasan yang lain.



Gambarajah 10 Contoh Kedudukan Jidar dalam Kitab Maulid – Mempunyai Hiasan pada Jidar Tengah

2.3 Kolum

Kolum merupakan ruang kosong yang biasanya dipenuhi oleh teks atau imej (Kamus Dewan Edisi Keempat). Kolum digunakan dalam kitab maulid berbanding al-Quran atau kitab-kitab lain. Penggunaan kolum dalam kitab maulid bermula daripada bahagian hadapan. Ayat-ayat pendek yang diletakkan dalam dua kolum ini. Biasanya ayata-ayat tersebut adalah ayat mengingati Rasulullah.s.a.w. Namun masih ada juga kitab maulid yang tidak menggunakan kolum. Pembahagian kolum adalah dua tiang yang akan dihiasi dengan hiasan organik atau geometrik..Hiasan yang dibuat adalah berdasarkan kepada kreativiti dan kehendak pengkarya itu sendiri.



Gambarajah 11 Contoh Kolum di Hadapan Kitab Maulid

Hiasan pembahagi kolum biasanya berdasarkan kreativiti pengkarya sendiri. Ada di antara hiasan dan warnanya tersebut mempunyai persamaan dengan hiasan di hadapan dan ada juga yang berbeza dengan menghasilkan hiasan berupa geometrik. Motif organik yang masih kekal berupa motif sulur bayung atau tumbuhan melingkar masih dikekalkan. Manakala motif pengulangan berupa garisan bersegi diulang di bahagian tengah sahaja. Ada juga sesetengah garisan tengah pemisah kolum ini tidak dilukiskan hiasan tetapi diwarnakan contohnya seperti kitab maulid MSS219.

Beberapa contoh dalam hiasan rupa organik adalah seperti MSS 4040 dan MSS 2842 yang merupakan kitab maulid dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Begitu juga dengan MSS 2858 dan MSS1624 juga merupakan kitab maulid yang berhias geometrik dalam koleksi yang sama.




Gambarajah 12 Contoh Hiasan Kolum di Bahagian dalam Kitab Maulid

2.4 Keseimbangan

Keseimbangan merujuk kepada pembahagian elemen di dalam format estetika yang telah ditentukan di antara figura dan bentuk. Susunan elemen-elemen komposisi boleh menghasilkan satu kestabilan visual sama ada aktif atau statik. Keseimbangan visual dalam dihasilkan sama ada dalam bentuk simetri atau tidak simetri. Keseimbangan yang dapat diperolehi melalui pengolahan visual sesuatu reka letak melalui pengamatan terhadap warna, jalinan, nilai dan corak. Dalam melihat manuskrip ini, warna memainkan peranan penting juga dalam menghasilkan keseimbangan. Warna yang gelap dan warna panas merupakan warna yang agak berat jika dibandingkan dengan warna yang terang dan warna sejuk. Proses menganalisis manuskrip ini, keseimbangan sememangnya penting bagi mencapai keseimbangan optikal. Dalam reka letak manuskrip keseimbangan yang simetri atau sama ukur kelihatan pada kedudukan bingkai yang berada di tengah serta susun atur yang sesuai. Kedudukan keseimbangan ini berada dalam paksi tengah dalam sesuatu muka surat. Ada sesetengah manuskrip berada dalam keseimbangan tidak sama ukur iaitu pada manuskrip yang menggunakan dua muka surat dengan hiasan penuh


Dalam manuskrip kitab maulid ini, penggunaan kedua-dua jenis keseimbangan digunakan dalam reka letak ragam hiasnya. Keseimbangan simetri ketara kelihatan pada hiasan dalam satu muka surat. Kedudukan bingkai hiasan di tengah-tengah manakala bahagian kiri dan kanan yang kosong menjadikan reka letak ragam hias ini kelihatan lebih stabil. Keseimbangan ini tidak hanya berapa dalam kedudukan hiasan di hadapan kitab sahaja tetapi juga hiasan di bahagian akhir atau belakang. MSS 219

merupakan contoh hiasan di bahagian hadapan. MSS287 mnggunakan keseimbangan yang sama ukur




Gambarajah 13 Contoh Keseimbangan Sama ukur di Bahagian hadapan dan Belakang Kitab Maulid

Keseimbangan sama ukur ini juga terhasil pada reka letak kitab maulid yang mempunyai hiasan pada dua muka surat. Kedudukan hiasan yang berada di tengah dan kesemua bahagian jidar tidak terdapat sebarang hiasan. Manuskrip kitab maulid MSS 1624 merupakan salah satu contoh perkara tersebut. Keseimbangan ini mampu menjadikan manuskrip ini diletakkan pada satu muka surat sahaja tetapi kesenimbangan ayat memerlukan hiasan ini diletakkan dua dalam satu muka surat.



Gambarajah 14 Contoh Keseimbangan Sama ukur pada ragam hias dua muka surat

Reka letak ragam hias dalam kitab maulid yang menggunakan dua muka surat seperti kitab al-Quran lebih ketara menggunakan keseimbangan tidak sama ukur. Dalam hiasan seperti ini hanya lengkap jika kedua-dua hiasan diletakkan sama setara. Hiasan yang memenuhi sehingga ke bahagian jidar luar menyebabkan hiasan ini akan jadi tidak stabil secara visual.



Gambarajah 15: Contoh Keseimbangan Tidak Sama ukur pada ragam hias dua muka surat


2.5 Motif hiasan

Persekitaran setempat memainkan peranan penting dalam menghasilkan motif-motif hiasan dalam sesuatu karya Melayu. Tumbuh tumbuhan tersebut tersebut telah digubah melalui beberapa tahap proses modifikasi sehingga ada di antara motif-motif terbut berubah menjadi geometrik. Pengubahan rupa asal tumbuh-tumbuhan tersebut adalah berlandaskan ajaran Islam yang menolak gambaran atau peniran alam semula jadi secara tepat. Semua subjek yang dihasilkan oleh pengkarya-pengkarya Islam sama ada flora atau fauna telah diubahsuaikan, digayakan dan tidak disemulajadikan. Pengkarya-pengkarya yang menghasilkan motif-motif ini masih meninggalkan nama asal motif tersebut. Kepelbagaian warna yang mampu menarik perhatian penghayat seni masih dikekalkan. Hiasan mewah dengan motif-motif flora yang melingkar masih tetap mengekalkan ciri-ciri estetika Melayu dalam menghiasi manuskrip Melayu. Pengaruh seni bina kelihatan dalam hiasan manuskrip Melayu. Bentuk kubah atau tebar layar juga digambarkan dalam hiasan manuskrip Melayu. Hiasan kubah potong bawang atau tebar layar yang diletakkan pada tempat yang sesuai seperti pada bahagian tengah jidar

kepala, jidar luar dan jidar ekor. Motif-motif geometrik ini atau juga dikenal sebagai corak Islami adalah gambaran sebenar ketaatan mengikut ajaran Islam di alam Melayu.


Bunga, putik, daun, ranting atau pucuk yang menjadi inspirasi pengkarya akan disusun sama ada secara tunggal, menjalar, mendatar ataupun bertabur. Tumbuhan dipersekitaran mereka dijadikan idea untuk diolah sebagai hiasan. Tumbuhan menjalar seperti pokok kacang atau pokok labu telah dimodifikasikan dan mejadi motif hiasan yang dikenali sebagai motif sulur bayung. Sifat sulur bayung yang saling paut memaut telah menimbulkan nilai-nilai estetika yang tidak melanggar tata susila masyarakat Melayu yang bersopan santun. Ragam hias motif sulur bayung ini akan saling bertautan dan dihasilkan pelbagai corak serta kepelbagaiannya mengikut kesesuaiannya.

Menurut .Dzul (2007) menjelaskan bahawa . sulur bayung pada jidar luar biasanya lebih besar dan jelas berbanding dengan sulur pada jidar kepala dan jidar ekor. Jidar kepala dan jidar ekor biasanya lebih kecil dan tersirat. motif-motif sulur yang dihasilkan biasa berbeza-beza rupanya. Bentuk sulur kerap digambarkan pada jidar luar dalam hiasan manuskrip Melayu




Gambarajah 16 Beberapa Contoh organik dalam Kitab Maulid

Menurut Abd Rasid (2014) menyatakan bahawa ragam hias geometrik digunakan dengan banyaknya dalam kesenian Islam. Beliau menjelaskan motif ini memperlihatkan ragam hias yang paling unggul dan unik. Gaya motif geometrik ini satu komposisi yang sederhana dengan menggunakan elemen-elemen garisan, titik, garisan putus-putus dan garisan-garisan dalam bentuk horinzontal dan menegak pada permukaan objek seni. Gambarajah 17 merupakan contoh garisan tebal dan nipis yang digunakan dalam hiasan kitab maulid Koleksi Perpustakaan Negara Malaysia.



Gambarajah 17 Beberapa Contoh Geometrik dalam Kitab Maulid



Gambarajah 18 Contoh Motif Organik dalam Kitab Maulid

Di dalam kitab maulid MSS 1624 merupakan karya yang menggunakan rupa organik. Kedudukan sulur bayung berada dalam kedudukan di tengah. Kedudukan motif sulur bayung atau bunga melingkar di dalam bingkai yang menampakkan bunganya. MSS1624 dengan pelbagai motif hiasan seperti motif paku pakis, motif bunga teratai, bunga pecah empah, motif bawang dan motif sulur bayung.

Penggunaan pelbagai motif organik dan geometrik dalam hiasan kitab maulid berada di dalam koleksi Perpustakaan Negara Malaysia. Bunga-bunga juga sebahagian daripada hiasan yang terdapat dalam hiasan surat-surat. Bunga matahari, bunga tanjung, bunga kecil emas, bunga melati, untaian bunga ros dan sebagainya.


2.6 Warna

Dalam ragam hias sesebuah manuskrip pemilihan warna juga memainkan peranan penting. Warna mampu menjadi bahan komunikasi visual serta menarik perhatian. Warna bukan sahaja mampu mempengaruhi manusia secara tidak sengaja tetapi ia juga membantu memberi penekanan kepada perkara penting.

Warna merah, hijau, biru, kuning kunyit, emas dan hitam merupakan warna yang biasa digunakan oleh pengkarya manuskrip (Dzul,2007). Penggunaan warna kuning kunyit lebih berfungsi menggantikan warna emas dalam sesetengah karya. Penggunaan warna hitam sebagai fungsi tulisan dalam manuskrip Melayu.

Berdasarkan dari kitab maulid MSS 1624, penggunaan warna biru, merah, kuning dan hitam menghiasi motif seakan kubah potong bawang pada bahagian jidar kepala. Rupa kubah potong bawang yang biasanya adalah gambaran kubah pada masjid di alam Melayu. Penggunaan bingkai berwarna kuning adalah menggantikan warna emas. Warna merah pun digunakan untuk mewarnakan bunga-bunga yang melingkar di dalam tiang tebal. Penggunaan warna hitam yang digunakan sebagai garisan luar adalah sebagai penegasan terhadap sesuatu rupa contohnya motif paku pakis dalam hiasan di jidar kepala.

Di dalam kitab ini, penggunaan warna merah juga digunakan sebagai teks. Teks yang diwarnakan merah adalah ayat permulaan yang memuji Rasulullah s.a.w. pada setiap muka surat. Manakala ayat bacaan seterusnya berwarna hitam. Penggunaan ke semua warna ini telah menimbulkan kesan harmoni di dalam karya tersebut.



Gambarajah 19 Contoh Warna dalam Kitab Maulid

Kesimpulan

Penghasilan kitab maulid untuk mengingati kisah kelahiran baginda Rasulullah S.A.W. adalah di antara kitab yang disimpan di kalangan masyarakat Melayu di Nusantara. Keindahan ragam hias dengan pelbagai gaya dan warna memberi gambaran persekitaran pengkarya itu sendiri. Motif-motif bunga atau tumbuhan serta motif geometrik menghiasi bahagian tertentu dengan halus bagi menggambarkan ketaatan kepada Pencipta. Ragam hias merupakan keperluan dalam karya seni bagi menghiasi kekosongan sebarang rekaletak. Setiap ragam hias yang digunakan mempunyai makna yang simbolik. Nilai etika dan estetika digambarkan dalam karya bagi gambaran tauhid.

RUJUKAN:

1. Abd Rasid Ismail, 2014. Alam Sebagai Motif Kraftangan Fabrik Melayu Tradisi. UiTM Press, Universiti Teknologi Mara Shah Alam, Selangor.
2. Ab. Razak bin Ab. Karim (2013). *Warkah Raja-Raja Melayu, Struktur, Stilistik Dan Nilai Estetika*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
3. Ab. Razak bin Ab. Karim (2009). "Seni Hias dalam Warkah –markah Melayu Lama" dalam *Prosiding Antarabangsa Kesenian 'Seni Dekorasi: Pelestarian dan Pembangunan*. Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya. hlm: 45-6
4. Dzul Haimi Md Zain et.al., (2007). *Ragamhias Al – Quran di Alam Melayu*. Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
5. Haziyah Hussin, 2010. Perbandingan Reka bentuk Corak dan Motif Melayu dalam Tekstil dan Ukiran Kayu artikel dalam buku *Warisan Seni Ukir Kayu Melayu*. Institut Alam dan Tamadun Melayu, Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Gallop, A.T. (2002). *Seni Hias Manuskrip Melayu dalam Prosiding Warisan Manuskrip Melayu*. Kuala Lumpur: Perpustakaan Negara Malaysia. hlm: 234-259..

7. Gallop, A.T. (2004). *Seni Naskhab Islam di Asia Tenggara dalam buku Bulan Sabit, Seni dan Peradapan Islam di Asia Tenggara* (Bab 5). Adelaide: Art Gallery of South Australia
8. Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (2005). Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
9. Katalog Pameran, Persuratan Melayu: Warisan Intelek Silam. ;Sempena Sambutan Bulan Bahasa dan Sastera 2003. Perpustakaan Negara
10. Katalog Manuskrip Melayu di Belanda, 1983. Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
11. Rozimah Bidin, Salawati Abdul Wahab dan Siti Hajar Abdul Rahman, 2009. Kertas Kerja: Simbol Alam Dalam Ragamhias Melayu Tradisi, Seminar Alam Bina, Universiti Teknologi Mara Perak.
12. Warisan Manuskrip Melayu, 2002. Kuala Lumpur, Perpustakaan Negara Malaysia
13. Zuriati, 2010. "*Illuminasi Naskhab – Naskhab Minangkabau*" dalam Journal Filologi Melayu. Kuala Lumpur. Perpustakaan Negara Malaysia.. hlm: 51-71.